

Tiada guna sukarelawan dihantar ke Baitulmaqdis

Oleh ZAINU'L AZHAR
ASH'ARI dan NIZAM YATIM

SEPANG 13 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tidak ada gunanya umat Islam dihantar menjadi sukarelawan bagi membebaskan Baitulmaqdis jika mereka tidak mempunyai keupayaan dan kepakaran teknologi dalam bidang persenjataan.

Kata beliau, ini kerana medan peperangan bukannya tempat melepaskan geram, tetapi untuk berperang dan mencapai kemenangan.

“Kalau nak perang, dengan cara yang kita boleh menang... ini duduk marah kat orang, bunuh orang, apa pun tak dapat akhirnya, buat apa.

“Kita hendak tahu (sukarelawan) boleh buat apa, nak pergi jadi mangsa meriam sahaja, buat apa,” tambah beliau dalam sidang akhbar selepas majlis penyerahan lima buah trem

elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Paya Indah Wetlands di Dengkil dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan agensi berita asing semalam mengenai saranan Panglima Pengawal Revolusi Iran (Pasderan), Yahyia Rahim Safari agar satu pasukan sukarelawan dianggotai 100 juta umat Islam ditubuhkan untuk membebaskan Baitulmaqdis daripada cengkaman Israel.

Laporan itu memetik Yahyia yang berucap di hadapan anggota Pasderan di Semnan, sebuah bandar di timur Tehran sebagai berkata, jika hanya 10 peratus daripada satu bilion umat Islam di dunia menyertai pasukan antarabangsa itu, rejim Israel yang mencero boh wilayah Palestin akan dapat digulingkan.

Pada 30 September lalu, Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush membangkitkan kemarahan umat Islam apabila menandatangani rang

undang-undang yang mengkehendaki pentadbiran AS mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Menurut Dr. Mahathir, keupayaan sebenar dalam menghadapi peperangan adalah penting daripada soal jumlah sukarelawan yang akan dihantar.

“Ini bukan soal bilangan orang, tetapi soal tak ada kekuatan, bila kita nak ajar sains, teknologi dan kejuruteraan, kata itu sekular,” kata beliau.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, keengganan orang Islam belajar ilmu yang dianggap keduniaan tersebut menyebabkan mereka tidak tahu untuk mencipta senjata dan semuanya terpaksa dibeli.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi bagi membincangkan cadangan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

“Kita akan bincang sesama kita dalam BN berhubung pan-

dangan banyak ibu bapa yang mahukan anak mereka belajar dalam bahasa Inggeris tanpa membelakangkan bahasa ibunda sendiri,” ujarnya.

Tambah beliau, mesyuarat tersebut akan turut membincangkan pandangan Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia yang dianggotai oleh lebih 500 persatuan.

Pada Rabu lalu, gabungan tersebut telah mengadakan perhimpunan raksasa yang dihadiri lebih 10,000 orang belia daripada pelbagai kaum sebagai tanda sokongan terhadap cadangan pengajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di semua sekolah mulai tahun depan.

Mengenai kemungkinan terdapat sekolah yang dikecuali daripada cadangan tersebut, Perdana Menteri berkata, tiada sebarang keputusan dibuat kerana belum ada perbincangan berhubung perkara berkenaan.